

DAKWAH ALAM SIBER RENTAS SEMPADAN

**SHARIFAH NORA OTHMAN
KETUA PENOLONG PENGARAH
PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN
PENTADBIRAN**

(KERTAS PENYELIDIKAN 2018)

Pendahuluan.

Perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT) sedang merubah era komunikasi pada masa kini. Penciptaan dan rekaan dalam bidang sains dan teknologi pada masa kini ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan. Kemajuan teknologi maklumat tidak boleh menyekat atau menghalang sesiapa di dunia untuk berkomunikasi yang berpotensi untuk mempengaruhi kegiatan sosial, ekonomi, agama dan politik.¹

Teknologi di era globalisasi telah mengalami kemajuan yang begitu pesat dan pelbagai. Media komunikasi bersaing dalam memberikan informasi tanpa batas dan memudahkan manusia untuk saling berhubungan serta meningkatkan perhubungan sosial. Kehadiran media massa seperti surat khabar, radio, television dan internet, sebagai komunikasi abad moden mempunyai pengaruh yang sangat luas. Penyebaran berita dan maklumat dengan mudah diterima oleh masyarakat dalam waktu yang singkat. Pada masa kini, internet merupakan salah satu kaedah komunikasi yang paling efisien, dimana segala bentuk dan pelbagai informasi dapat diakses dengan mudah dan murah. Komunikasi berasal dari perkataan Yunani, iaitu *communicare* yang bermaksud menjadikan sesuatu itu milik bersama di mana penyampai menyampaikan sesuatu mesej kepada pendengar, pendengar pula bertindak dengan memberi maklumbalas yang bersesuaian.²

¹Radziah Rudzi, Cabaran Era Ledakan Teknologi Komunikasi Maklumat, <https://www.academia.edu>, hlm 3.

² Ibid.

Perkataan komunikasi juga mempunyai persamaan maksud dengan perkataan bahasa arab.³ Dalam Islam, perkataan dakwah, *ittisal* (menyampaikan) dan *wasa'il/i'lam* (kaedah penyampaian) digunakan bagi menggambarkan maksud komunikasi dalam Islam.⁴

Seorang ahli telematika Roy Suryo Mengatakan bahawa, internet merupakan media komunikasi canggih yang lahir di Era 60-an.⁵ Pada tahun 1980 internet mulai digunakan untuk umum dan awal 1995 internet mulai merebak di Asia.⁶ Melalui internet pengguna dapat berhubung dan mengenali antara satu sama lain iaitu dengan cara menggunakan kaedah media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Myspace* dan lain-lain lagi. Media sosial juga merangkumi blog, forum dan rangkaian sosial. Internet juga dapat dilayari dengan menggunakan telefon mudah alih yang juga merupakan salah satu teknologi siber yang digunakan untuk tujuan menyampaikan maklumat. Pada zaman serba canggih ini, kepesatan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) dan gelombang globalisasi tidak dapat dihindari. Pengaruh internet dalam kehidupan manusia memang tidak dapat disangkal lagi. Sama ada kita sedar ataupun tidak, kehidupan kita sehari-hari di pejabat, rumah dan di mana-mana sahaja, kita akan menggunakan internet sebagai media baharu yang sangat bermakna dalam mempermudahkan urusan kehidupan sehari-hari kita. Kita berkomunikasi, berinteraksi, membeli-belah, memesan barang, berurusniaga, membayar bil, mencari maklumat, membaca berita dan mengetahui hal ehwal semasa melalui internet. Kita lebih banyak berkomunikasi dan berinteraksi melalui alam siber dengan hubungan lingkaran *network* sedunia melalui komputer dan juga pengguna jenis-jenis telefon bimbit yang

³ Ibid.

⁴ Ibid.

⁵ Zamris Habib, Dakwah melalui Dunia Maya, 15 Februari 2015,
<https://zamrishabib.wordpress.com>.

⁶ Ibid.

pelbagai fungsi serta hubungan secara mel elektronik. Maklumat-maklumat disebarluaskan secara langsung menggunakan teknologi internet dengan berkesan termasuk pemaparan visual, suara dan bunyi.

Dalam era zaman globalisasi kini yang mendedahkan masyarakat terhadap kemajuan teknologi yang pesat dengan kepentasan internet tanpa had, dapat lihat bahawa media sosial adalah salah satu medan dakwah yang penting dan sesuai dilakukan untuk meningkatkan dakwah Islam. Dakwah ialah proses penyebaran ilmu, maklumat dan syiar Islam dengan menggunakan pelbagai cara atau kaedah penyampaian. Apabila kita bercakap mengenai dakwah, perkara pertama yang kita bayangkan ialah proses penyebaran ilmu atau maklumat tersebut dilakukan dengan cara bersemuka (*face to face*). Tanggapan ini sangat ketara sehingga awal abad ke-20 dimana pada ketika ini proses pendakwahan bersemuka masih lagi ketara dan begitu popular dalam kalangan masyarakat setempat.⁷ Pada awal abad ke 21 ini, perkembangan internet yang sangat pesat terutamanya di negara ini telah memungkinkan serta merancakkan lagi kaedah pendakwahan di negara ini terutamanya melalui medium baru yang mendapat tempat dinegara ini.⁸ Dalam era globalisasi, dunia tanpa sempadan dan penggunaan internet yang semakin digemari di negara ini, kaedah pendakwahan baru melalui internet sangat penting dan juga perlu di pertingkatkan. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa penyebaran dakwah melalui alam siber ini ada mendatangkan kebaikan dan keburukannya yang tersendiri terutamanya kepada masyarakat hari ini.

⁷ Azizan Had, *Dakwah Melalui Internet Di Malaysia:Masalah dan Cabaran*, 23 Nov 2014,
<http://www.ukm.my>

⁸ Ibid

Dakwah Di Zaman Rasulullah S.A.W. Dan Masa Kini.

Dakwah berasal dari perkataan Arab yang bermaksud ajakan dan seruan sebagaimana frasa dalam bahasa arab yang membawa erti “Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran”.⁹ Menyeru kepada agama Allah S.W.T merupakan tanggungjawab Rasululullah S.A.W. serta para pengikutnya. Seruan ini mestilah dilakukan di atas dasar *basirah* iaitu keterangan yang nyata; berlandaskan fakta-fakta ilmiah yang jitu lagi padu khususnya yang bersumberkan wahyu Ilahi merangkumi al-Kitab dan al-Sunnah. Firman Allah Ta’ala (Yusuf 12:108)

Maksudnya: ***Katakanlah: "Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata, Maha Suci Allah, dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik".***¹⁰

Dakwah dalam islam dapat dilihat dari beberapa sudut, antaranya dari sejarah awal penyebaran islam oleh Nabi Muhammad S.A.W iaitu pembawa risalah Allah S.W.T. Secara umumnya, dakwah Islamiyah pada zaman Rasululullah S.A.W. dapat dikategorikan kepada empat tahap sebagaimana yang berikut:

1. Dakwah secara sembunyi-sembunyi.
 - Dakwah ini dilaksanakan oleh baginda Nabi selama tiga tahun.¹¹
2. Dakwah secara terang-terangan hanya dengan menggunakan kaedah lisan sahaja.
 - Dakwah ini berlangsung sehingga hijrah Rasulullah S.A.W sahaja.¹²

⁹ Siti Nurjannah Muhammad Asihin, Media Sosial Sebagai Inisiatif Perkasa Dakwah, <http://www.harakahdaily.net>, 8 April 2017.

¹⁰ Fadlan bin Mohd Othman, Dakwah Melalui Media: Peluang Dan Cabaran, <http://www.mediu.edu.my>.

¹¹ Zamrishabib, Dakwah Melalui Dunia Maya, <https://zamrishabib.wordpress.com>, 15 Februari 2015.

¹² Ibid.

3. Dakwah secara terang-terangan sekaligus memerangi kaum musyrik yang berlaku zalim dan menentang untuk berperang.¹³
 - Fasa ini berlangsung sehingga perjanjian perdamaian hudaibiyah
4. Dakwah secara terang-terangan sekaligus memerangi setiap orang yang menolak untuk masuk islam dan cuba menolak aktiviti dakwah.
 - Fasa ini berlanjutan sehingga tegaknya syariat dan dan munculnya hukum berjihad dalam islam.¹⁴

Penyampaian ilmu dakwah hendaklah dilakukan sebaik dan seluas mungkin bagi tujuan menarik perhatian manusia. Justeru, dalam apa sahaja situasi, tugas ini hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan saluran yang paling efektif. Kita dapatil Rasulullah S.A.W. pada zaman baginda telah menggunakan pelbagai saluran, dalam usaha menyampaikan ilmu kepada sebanyak mungkin manusia yang menjadi sasaran dakwahnya. Dakwah adalah tugas para Rasul dan perintah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang merupakan pendakwah pertama semenjak islam diturunkan. Banyak perintah Allah S.W.T ditujukan kepada Rasulullah S.A.W supaya melaksanakan tugas dakwah secara berkesinambungan seperti Firman Allah yang bermaksud “.....dan serulah (wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus.” (Surah Al-Hajj, ayat 67). Terdapat beberapa contoh kesungguhan Rasulullah S.A.W agar ajaran Islam sampai kepada semaksimum mungkin jumlah manusia. Berikut adalah antara cara baginda menyebarkan dakwah:

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid.

1. Solat di atas minbar:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ قَالَ: "ثُمَّ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهَا، وَكَبَرَ وَهُوَ عَلَيْهَا، ثُمَّ رَكَعَ وَهُوَ عَلَيْهَا، ثُمَّ تَرَأَّلَ الْقَهْفَرَى فَسَجَدَ فِي أَصْلِ الْمِبَرِ ثُمَّ عَادَ، فَلَمَّا فَرَغَ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ فَقَالَ « أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا صَنَعْتُ هَذَا لِتَأْتِمُوا وَلِتَعْلَمُوا صَلَاتِي »".^[9]

Maksudnya: *Daripada Sahl bin Sa'd al-Sa'idi katanya, "Kemudian aku melihat Rasulullah S.A.W solat di atas minbar itu, Baginda takbir di atasnya, ruku' di atasnya, kemudian Baginda mengundur ke belakang dan sujud di atas tanah. Kemudian Baginda mengulangi perbuatan itu. Apabila selesai, Baginda menghadap kepada orang ramai lalu berkata, [Wahai sekalian manusia, saya buat seperti ini supaya anda semua dapat mengikutiku dan mempelajari solatku]".*¹⁵

2. Buka puasa di khalayak ramai:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ - رضي الله عنهما - أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - خَرَجَ عَامَ الْفَتْحِ إِلَى مَكَّةَ فِي رَمَضَانَ فَصَامَ حَتَّى بَلَغَ كُرَاعَ الْغَمِيمِ فَصَامَ النَّاسُ ثُمَّ دَعَا بِقَدْحٍ مِنْ مَاءِ فَرْقَعَةٍ حَتَّى نَظَرَ النَّاسُ إِلَيْهِ ثُمَّ شَرَبَ فَقِيلَ لَهُ بَعْدَ ذَلِكَ إِنَّ بَعْضَ النَّاسِ قَدْ صَامَ فَقَالَ « أُولَئِكَ الْعُصَمَاءُ أُولَئِكَ الْعُصَمَاءُ ».^[10]

Maksudnya: *Daripada Jabir bin Abdullah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. keluar pada tahun Pembukaan Kota Mekah pada bulan Ramadan lalu Baginda berpuasa sehingga tiba di Kura' al-Ghamim di mana orang semua berpuasa. Kemudian Baginda meminta seberkas air dan mengangkatnya sehingga dapat dilihat orang ramai lalu Baginda minum air itu. Tidak lama selepas itu, ada orang*

¹⁵ Ibid.

mengadu kepadanya bahawa masih ada orang yang terus berpuasa, lalu Baginda bersabda, [Mereka benar-benar ingkar, mereka benar-benar ingkar].¹⁶

3. Menyampaikan khutbah di atas minbar.

Semua contoh-contoh di atas adalah merupakan manifestasi kesungguhan Rasulullah S.A.W menggunakan saluran dakwah paling efektif yang terdapat di zaman baginda. Ianya digunakan sebaik mungkin agar mesej berkaitan dakwah islam dapat disampaikan kepada jumlah manusia semaksimum mungkin.

Menerokai zaman awal, saluran informasi didapati amat mudah ditemui. Penyampaian ilmu dilakukan antara lain dengan penyampaian secara langsung di mana ‘sumber’ memindahkan ilmu kepada ‘sasaran’. Jika sasaran ini berada berjauhan atau di perantauan, ‘sumber’ akan menurunkan ilmu kepada ‘wakil’ yang kemudiannya bertindak bergerak atau mengembara bagi tujuan pemindahan ilmu kepada ‘sasaran’. Perhatikan bagaimana proses ini mungkin mengambil masa berjam-jam, berhari-hari, berbulan-bulan bahkan mungkin juga bertahun-tahun. ‘Wakil’ di sini juga boleh dijadikan dalam bentuk penulisan buku yang akan ditatap oleh ‘sasaran’ yang berminat.

Menyusuri peredaran zaman, iaitu di zaman kecanggihan teknologi maklumat, saluran informasi didapati kian berkembang. Penyampaian secara langsung atau lebih dikenali dengan perkataan ‘live’, tidak lagi memerlukan pergerakan atau pengembaraan oleh ‘wakil’. Peralatan canggih telah memudahkan proses penyampaian secara langsung dan meringankan beban yang dipikul ‘wakil’ selama ini. Telah muncul ‘wakil-wakil’ kaku samada melalui siaran televisyen mahupun alam

¹⁶ Ibid.

maya (internet) yang mampu memukau dengan kepelbagaian wajah dan ilmu yang terkini.

Merujuk kepada kecanggihan saluran informasi atau media, ada dikalangan pendengar atau pengikut khususnya para pendakwah, yang berasa janggal dan merasakan ianya tidak wajar dijadikan sebagai salah satu saluran utama mereka dalam penyampaian ilmu agama. Akan tetapi, sejak kebelakangan ini, kebanyakan para pendakwah sudah mula melihat penggunaan pelbagai saluran informasi atau media ini sebagai satu keperluan di zaman ini. Rasulullah S.A.W memberitahu kita bahawa pengikutnya adalah pengikut yang paling ramai dalam hadith Baginda:

« تَزَوَّجُوا الْوَلُودَ فَإِنَّى مُكَافِرُ بِكُمُ الْأَمَمَ «.[12]

Maksudnya: *[Kahwinilah gadis yang penyayang dan produktif, sesungguhnya aku berbangga dengan kamu semua terhadap umat-umat lain.]*¹⁷

Justeru, antara cara untuk meramaikan pengikut Baginda S.A.W. di samping memperbanyak zuriat, adalah dengan mempergiatkan usaha dakwah dengan cara yang paling efektif dan berkesan. Usaha Rasulullah S.A.W. mengumpul orang ramai untuk menyampaikan seruan terhadap agama Allah S.W.T wajar dijadikan asas kepada usaha aktivis dakwah untuk mempergunakan segala kaedah penyebaran yang mendapat perhatian orang ramai termasuklah melalui media.

¹⁷ Ibid.

KEBAIKAN VS KEBURUKAN DAKWAH MELALUI ALAM SIBER.

Sejak internet diperkenalkan, ia telah memberikan banyak faedah kepada umat manusia. Namun demikian, ramai juga yang telah menyalahgunakannya. Justeru, teknologi maklumat yang sedang mendominasi dunia ICT ini mestilah dipelihara dengan sebaik-baiknya agar ia memberikan faedah kepada umat manusia manakala elemen-elemen negatif berkaitan dengannya mestilah dijauhi. Insan Muslim perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi situasi ini. Etika dan akhlak Islam mestilah sentiasa terpelihara. Cabaran yang dihadapi juga cukup besar dan perlukan persediaan agar tidak hanyut. Berdakwah menggunakan alam maya merupakan inisiatif yang berkesan dan banyak mendatangkan implikasi positif. Implikasi melalui penggunaan alam maya ini dapat dilihat melalui sudut masyarakat dan individu itu sendiri. Implikasi terhadap individu melalui pendekatan dakwah memberi kesan apabila seseorang individu mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik. Dakwah yang disebarluaskan memberi jalan lurus kepada manusia untuk sentiasa melakukan perintah Allah S.W.T mengikut cara yang betul.

Penyampaian ilmu atau dakwah tidak lagi hanya semata-mata boleh disampaikan dalam program ceramah, majlis ilmu atau di cetak di buku-buku agama sebaliknya perlu bergerak seiring dengan dunia teknologi maklumat tanpa sempadan. Dalam era segalanya di jari menjadikan bahan bacaan secara digital lebih digemari oleh rakyat kerana lebih efektif berbanding bahan bacaan bercetak. Kelebihan dunia teknologi maklumat membenarkan aliran penyampaian ilmu berlaku dengan pantas dengan menjadikan komputer, telefon bimbit dan internet sebagai medium yang menyalurkan informasi kepada pengguna. Dakwah melalui media sosial atau alam maya menjadi keutamaan dan mendatangkan banyak kebaikan kerana mampu mensasarkan lebih ramai target melalui pendedahan dakwah yang dilakukan

atas tujuan menyeru kepada kebaikan. Sebagai contoh, seorang pendakwah berceramah tentang adab menyambut tetamu melalui aplikasi *Facebook*. *Facebook* merupakan antara aplikasi kegemaran yang digunakan oleh masyarakat pada zaman kini untuk berkongsi cerita dan berhubung dengan kawan-kawan kerana penggunanya terdiri daripada pelbagai kalangan umur termasuk para remaja yang kurang berminat dengan hal-hal keagamaan. Hal ini bukan sahaja dapat memberi impak apabila dilihat oleh masyarakat Islam, akan tetapi ia juga berupaya menarik kaum lain untuk sama-sama memahami keindahan Islam sebagai agama yang benar malah mampu mengangkat lebih ramai manusia untuk kembali mentaati Allah S.W.T apabila menjadikan media sosial ini sebagai wadah untuk menyampaikan dakwah Islam. Oleh itu, kewujudan media sosial sebagai ejen transformasi dakwah telah diterima secara umum dan tidak bertentangan dengan syariat agama.

Generasi muda perlukan bimbingan untuk terus melayari kehidupan berpaksikan kepada kehendak agama. Namun, kaedah biasa seperti bimbingan melalui komunikasi bersemuka atau menghadiri kelas khusus di sekolah, institusi latihan dan masjid mungkin kurang berkesan pada masa kini. Biasanya generasi muda yang menyertai kelas seumpama itu agak terhad. Mereka berasa tidak selesa atau tidak berkesempatan untuk menghadirinya. Tambahan, situasi biasa orang muda tidak suka kepada sesuatu yang diadakan secara formal kerana sukar untuk memberi komitmen dan pengurusan masa. Jadi, cara alternatif perlu disediakan untuk menjadi medan bagi remaja mendapatkan sesuatu yang bermanfaat untuk dijadikan panduan hidup. Umum ketahui, landasan paling sesuai untuk berkomunikasi dan mendekati generasi muda ialah di internet dan laman sosial. Anjakan paradigma usaha dakwah secara maya membolehkan dakwah itu sampai kepada semua golongan di mana sahaja mereka berada. Ini bersesuaian dengan hobi generasi muda yang lebih banyak

menghabiskan masa di laman sosial. Justeru, kita perlu memanfaatkan sepenuhnya internet untuk melakukan dakwah secara tidak langsung. Dakwah maya lebih terbuka dan tidak mensyaratkan seorang pendakwah mahir dalam komunikasi, sebaliknya yang lebih utama ialah ilmu yang disampaikan.

Masyarakat Islam perlu sedar bahawa teknologi adalah alat yang direka oleh manusia untuk mempermudahkan kehidupan di dunia ini. Kecanggihan teknologi maklumat pada masa kini menjadikan dakwah dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk, lebih meluas, dan lebih pantas. Sesuatu nasihat atau ilmu juga dapat disebarluaskan dengan pantas sehingga ke seluruh pelusuk dunia. Penggunaan teknologi komunikasi dalam dakwah Islam bukan semata-mata sebagai pengantara atau alat tetapi berfungsi lebih dari itu. Media dakwah berkembang secara evolusi menjalani fasa-fasa tertentu dan sehingga kini dilihat lebih sistematik dengan reka bentuk yang menarik dilengkapi dengan kombinasi sumber-sumber manusia dan bukan manusia untuk menghasilkan dakwah Islam yang lebih efektif. Pengaruh internet dalam kehidupan manusia memang tidak dapat disangkal lagi. Sama ada kita sedar ataupun tidak, kehidupan kita seharian di pejabat, rumah dan di mana-mana sahaja, kita akan menggunakan internet sebagai media baharu yang sangat bermakna dalam mempermudahkan urusan kehidupan seharian kita. Kebaikan penyebaran dakwah melalui media sosial amatlah banyak. Media sosial bukan sekadar hiburan, akan tetapi media sosial adalah alat untuk kita meningkatkan tali silaturrahim dengan cara dakwah masa kini. Penggunaan media sosial sebagai cara menyebarkan dakwah seperti melalui laman blog, Facebook, Twitter, Skype, Instagram dan lain-lain di samping media massa yang sedia ada seperti akhbar, radio dan televisyen merancakkan lagi penyebaran maklumat dan informasi dalam kalangan masyarakat. Penggunaan media amat membantu kepada perkembangan Islam di Malaysia.

Melalui medium ini, mesej Islam dapat disampaikan secara lebih berkesan. Kehidupan pada masa kini dipengaruhi oleh teknologi moden dan masyarakat terbudaya dengan media di mana kebanyakan ideologi budaya dan penerapan nilai diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui media seperti internet. Kemajuan media yang berkembang pesat membawa kepada perubahan sosial yang pelbagai. Masyarakat Muslim kini sedang berhadapan dengan perubahan era teknologi maklumat dan komunikasi yang rata-ratanya mempengaruhi kehidupan seharian. Justeru, perkembangan dakwah juga harus seiring dengan perkembangan zaman supaya turut sama cenderung menggunakan metodologi kontemporari. Pendakwah harus lebih berani mengaplikasi apa jua teknologi bagi memperkuuh metodologi dakwah sedia ada supaya lebih mantap dan berkesan. Dakwah melalui media sosial ini antara lainnya mampu menembus batas ruang dan waktu. Di era media sosial sekarang ini, kita tidak perlu lagi bersusah payah pergi menuntut ilmu agama atau mendengar ceramah berbentuk keagamaan melalui seorang ustaz atau guru. Barangkali juga bukan masanya untuk kita berpenat lelah membaca kitab-kitab keagamaan. Kini, sebagai gantinya, hanya dengan bermodalkan kos yang tidak setinggi mana, seseorang berkemampuan mengakses hal-hal keagamaan dengan mudah dan cara yang paling umum adalah dengan mengikuti akaun media sosial seorang pendakwah dan ilmu berkaitan keagamaan boleh diakses hanya di hujung jari pada setiap saat. Karakteristik viral dari media sosial membuat Facebook, Twitter atau Whatsapp menjadi pilihan efektif sebagai media dakwah. Kebiasaananya, pendakwah yang terkenal di Malaysia akan memiliki akaun media sosial dengan jutaan akaun pengikut. Jika diandaikan semuanya adalah akaun aktif, maka jutaan orang yang membaca ilmu berkaitan keagamaan yang disampaikan hanya dalam satu kali *posting* saja. Jumlah tersebut akan terus berlipat ganda dengan begitu mudah dan secara tidak langsung

ilmu tersebut akan dapat disebarluaskan ke seluruh dunia dengan hanya melalui media sosial. Jelas di sini bahawa, media sosial memainkan peranan yang begitu besar dan berpengaruh serta mendatangkan banyak manfaat kerana perkara kebaikan seperti ini mudah disampaikan kepada orang ramai.

Bermula dengan populariti *Facebook* sebagai media sosial untuk saling mengenal dan berkongsi maklumat di rangkaian sosial, kini ia telah popular di seluruh dunia untuk tujuan penyampaian dan penyebaran dakwah. *Facebook* merupakan media sosial paling popular dalam kalangan pelajar dan masyarakat. Ia juga merupakan satu platform kepada masyarakat untuk lebih dekat dan mesra dalam meningkatkan proses penyampaian dan penerimaan dakwah masa kini. Masyarakat pada masa kini dilihat lebih selesa untuk berinteraksi dalam laman sosial seperti *facebook* daripada bersemuka secara terus terutamanya bagi sesetengah individu yang tidak gemar tampil ke hadapan atau pemalu. Penggunaan media sosial secara tidak langsung akan mendorong masyarakat untuk meningkatkan minat terhadap ilmu keagamaan dan menjadi aktif serta berani menyuarakan pendapat melalui alam maya. Melalui laman sosial seperti *facebook* maklumat mengenai ilmu agama atau dakwah dan isu semasa amat mudah dan cepat diakses. Kemudahan teknologi media melalui penggunaan laman *facebook* yang disediakan menyebabkan penggunanya meningkat terutamanya di kalangan remaja dan para pelajar. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa media sosial khususnya *facebook* memainkan peranan yang besar dalam aktiviti penyebaran dakwah masa kini.

Dakwah melalui alam maya atau internet ini telah menjadi salah satu pilihan masyarakat yang paling utama. Antara kebaikan lain yang diperolehi melalui dakwah alam siber ini ialah masyarakat bebas memilih tayangan dakwah yang mereka minati memandangkan cara penyampaian yang variasi dan menarik yang dipamerkan

melalui dakwah di alam siber ini. Cara penyampaian yang mempunyai pelbagai variasi ini telah membuatkan dakwah melalui alam siber ini boleh tersebar luas. Dakwah tidak sepatutnya ditafsirkan dengan makna yang sempit, yang mana kebanyakan masyarakat sebelum ini yakin bahawa sekiranya ingin berdakwah dan menuntut ilmu berkaitan keagamaan, seseorang itu perlu memakai pakaian yang formal seperti bertudung, berkopiah dan berpakaian sopan. Namun tidak pada masa kini, pakaian yang sopan atau menutup aurat itu tidak perlu lagi diambil kira dalam kita menuntut dan menyampaikan dakwah, sekiranya ianya dilaksanakan melalui media sosial yang kadangkala hanya perlu menggunakan kaedah lisan sahaja tanpa visual. Dengan menggunakan media sosial untuk berdakwah seperti dilakukan oleh banyak organisasi islam dan para pendakwah mahupun tokoh-tokoh ulamak, ianya dianggap lebih fleksibel dan luas jika dibandingkan dengan dakwah yang disampaikan secara terus. Sebagai contoh, dakwah lebih mudah disebarluaskan melalui *posting* atau melalui penulisan dengan mengajak masyarakat berdiskusi atau mengirim pesanan melalui *applikasi wasap*. Dengan kaedah ini, ilmu dakwah tersebut dapat disebar secara meluas kepada seluruh anggota masyarakat dan mereka dapat membacanya. Kaedah *chatting* juga merupakan kaedah yang menarik yang mana penonton boleh diajak untuk berinteraksi secara langsung dengan penyampai atau penyebar dakwah tersebut. Alat dakwah haruslah digunakan sepenuhnya dalam aktiviti dakwah dan penentuan samada baik atau tidak penggunaannya adalah diserahkan kepada pengguna sepenuhnya.

Namun begitu, di dalam membicarakan tentang kecanggihan dan kepesatan teknologi, khususnya ICT, kita masih tidak dapat menjamin bahawa sesuatu dakwah Islam boleh difahami oleh manusia. Ini kerana kefahaman seseorang individu terhadap sesuatu Islam itu bukan hanya terletak pada kehebatan teknologi tetapi

terletak pada mutu kandungan serta kaedah penyampaian yang menarik dan berkesan sehingga membolehkan ilmu tersebut masuk ke dalam jiwa manusia.¹⁸ Hakikatnya, masyarakat kita pada masa kini amat mudah terpengaruh dengan kandungan yang dipaparkan di media massa dan media baharu. Dengan teknologi komunikasi yang canggih, telah membuka peluang kepada para pendakwah untuk lebih kreatif menggunakan kepakaran di dalam bidang masing-masing, bagi memainkan peranan memikul tanggungjawab dakwah. Ruang dan kepakaran itu haruslah dimanfaatkan bagi menakluki hati masyarakat agar terpaut dengan ajaran Islam yang sarat dengan nilai murni yang universal. Antara perkara yang perlu digarapkan adalah penghasilan kandungan digital atau animasi yang memahami dan mementingkan aspek ajaran Islam di dalam setiap produk.¹⁹ Di sinilah bermulanya pendidikan secara tidak langsung mengenai Islam kepada masyarakat yang kini sebenarnya sedang dahagakan kandungan alternatif bagi mempelbagaikan pilihan dan selera tontonan mereka, lebih-lebih lagi kepada generasi muda. Persoalan berkaitan media yang berfungsi sebagai medium pembelajaran agama perlu dilihat dari pelbagai demensi. Agama berkait rapat dengan kepercayaan dan pokok utamanya ialah masalah kepercayaan serta keyakinan diri terhadap Allah S.W.T. Kepercayaan dan keyakinan ini perlu direalisasikan dengan ibadat, akhlak serta tingkah laku sosial.²⁰ Media baru sebagai alat menyebarkan maklumat pada masa kini dilihat begitu berbeza dengan medium pembelajaran agama sebagaimana yang dilakukan sebelum ini. Oleh itu, terdapat beberapa isu utama yang menjadi cabaran dalam melebarkan dakwah melalui media baru ini seperti:

¹⁸ Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber, Jurnal of Social Sciences & Humanities, Disember 2017

¹⁹ Ibid

²⁰ Ibid

i) Pertama, kaedah pengajaran dan pembelajaran Islam sebelum ini secara berkesinambungan telah dilakukan mengikut tradisi yang penuh dengan nilai-nilai agama. Penyampaian berita dalam Islam pada asasnya telah dibuat dengan teliti dan disampaikan dari satu generasi kepada generasi berikutnya berdasarkan kitab-kitab muktabar yang diturunkan secara mutawatir.²¹ Masyarakat Islam menyanjung tinggi nilai kandungan maklumat keagamaan yang menyebabkan maklumat Islam itu sendiri sentiasa berada pada tempat yang paling berintegriti. Dalam menuju matlamat dakwah, kandungan maklumat agama melalui internet dilihat terlalu terbuka dan bebas tanpa tapisan serta boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja dengan cara memuat turun berita secara bebas tanpa kita sedari ianya tidak bertepatan dengan syariat islam. Keadaan ini sudah tentu mencabar konsep mutawatir dan integriti maklumat dalam Islam.²²

ii) Kedua, ruang internet yang terbuka dan bebas sehingga boleh menjadikan semua penjelasan agama begitu mudah didapati menyebabkan berlakunya pengumpulan maklumat agama secara berlebihan yang membawa kepada masalah kebanjiran maklumat. Masalah kebanjiran maklumat boleh mewujudkan suasana huru-hara dalam mencari maklumat yang dapat dipercayai. Antara tanda-tanda lebihan muatan maklumat ialah rasa cemas (anxiety), kecewa, marah, lemah semangat, kacau bilau, keliru dan hilang kawalan diri bersangkutan maklumat.²³ Penggunaan media BARU ini juga kerap kali disalah guna apabila ia dijadikan platform untuk penyebaran fitnah dan perkara itu amat mudah diterima oleh masyarakat walaupun kesahihan berita

²¹ Ibid

²² Ibid

²³ Ibid

masih belum dapat dipastikan lagi. Ditambah pula dengan sikap rakyat di negara ini yang gemar berkongsi tanpa memastikan kesahihan sesuatu maklumat boleh membawa kepada keburukan seperti penyebaran fitnah sehingga boleh membawa menjatuhkan air muka seseorang, memburukkan sesebuah agama atau negara. Justeru, alam media baru seperti instagram dan blog memerlukan ukuran dan metrik yang tepat untuk menentukan kewibawaan (credibility) maklumat dan tanggungjawab (trustworthy).²⁴ Maklumat pengajaran Islam juga dilihat telah mengalami fasa ini di mana pengguna semakin dihimpit oleh timbunan maklumat agama atas talian secara tidak terkawal yang menyebabkan berlakunya kecelaruan maklumat agama yang membawa kepada implikasi yang buruk terhadap kandungan maklumatnya yang hanya akan menjerumuskan diri ke kancang kekeliruan dalam kehidupan.

iii) Ketiga, keperluan terhadap media baru sebagai tempat pembelajaran agama juga menuntut kepada integriti dan fokus kawalan yang tinggi. Internet pada asasnya adalah sebuah media sosial yang mendedahkan kebaikan tetapi pada masa yang sama berbaur dengan pelbagai keburukan di dalamnya.²⁵ Internet telah memberikan banyak faedah kepada umat manusia sejak ia diperkenalkan. Walau bagaimapun, ramai pengguna terutamanya kelompok belia telah menyalahgunakannya. Maklumat yang diperolehi daripada saluran ini tidak kelihatan dengan jelas mengenai baik buruk, benar salah, asli, palsu, berguna dan tidak berguna kerana semuanya menjadi seakan-akan serba kosong walaupun ia juga boleh menjadi serba boleh, serba benar, serba berguna. Sukar bagi pengguna untuk memisahkan dua persimpangan yang

²⁴ Ibid

²⁵ Ibid

memerlukan kemahiran membuat keputusan yang munasabah hanya berdasarkan kepada pembacaan dan penerimaan maklumat daripada alam siber ini.

Selain itu, terdapat juga masalah bagi para penggodam dari kalangan Muslim, kepakaran mereka sepatutnya digunakan untuk perkara-perkara yang memberi manfaat kepada agama, sepatutnya telah disalahgunakan. Banyak laman-laman web yang menghina Islam, memaparkan surah-surah palsu, memburukkan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat baginda. Perkara ini mesti diberikan perhatian serius oleh umat Islam. Laman-laman begini bukan sahaja boleh merosakkan akidah dan pemikiran belia-belia kita yang kurang asas agama bahkan boleh merubah tanggapan orang bukan Islam yang ingin mendekati Islam. Perkara seperti ini jelas menunjukkan bahawa saluran-saluran di alam siber mudah untuk dieksloitasi oleh segolongan individu untuk kepentingan diri sendiri.

iv) Keempat, sebagaimana yang diketahui umum, Islam adalah agama yang mementingkan adab berguru antara guru dan murid. Pengajaran dan pembelajaran dalam Islam meletakkan masalah kepercayaan dan keyakinan diri terhadap Allah S.W.T. sebagai pokok utama. Kepercayaan dan keyakinan ini perlu direalisasikan dengan ibadat, akhlak serta tingkah laku sosial yang baik. Pendidikan Islam memerlukan proses dan sentuhan guru bagi menjamin dan menjaga adab pembelajaran sesuai dengan kehendak syariat dalam memberikan pendidikan terhadap anak didik. Walau bagaimanapun, media baharu (alam siber) yang dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dewasa ini jelas tidak menggambarkan hubungan langsung adab berguru antara murid dengan guru sebagaimana yang ditekankan dalam agama. Justeru, adab berguru ini semakin hari

semakin dilupai dan tidak mustahil ianya langsung tidak dipraktikkan lagi untuk masa-masa yang mendatang.

v) Kelima, isu lain yang berkaitan dengan penggunaan media baru atau alam siber sebagai tempat pembelajaran agama adalah masalah pengguna itu sendiri yang mana ianya terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Bagi pengguna yang mempunyai pengetahuan asas agama yang cukup sudah tentu mereka boleh membaca, membanding, membuat pertimbangan serta menganalisis maklumat tersebut berdasarkan ilmu agama yang dimiliki untuk diamalkan. Tetapi keadaannya berbeza dengan pengguna yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang minimum atau tiada langsung latar belakang agama tersebut. Golongan ini dilihat menghadapi kesukaran tertentu untuk menilai maklumat agama menerusi media baru atau alam siber ini lebih-lebih lagi dalam menilai maklumat yang bermakna. Penyebaran ilmu atau maklumat yang tidak tepat oleh orang-orang tertentu akan merosakkan niat murni untuk berdakwah. Justeru, pengguna media baru atau alam siber yang tidak mempunyai asas pengetahuan mencukupi tentang Islam mungkin menghadapi masalah untuk menentukan kesahihan dan kebenaran sesuatu sumber maklumat berkaitan agama yang diperolehi. Mereka ini dibimbangi akan terikut atau mengamalkan ajaran agama tersebut tanpa usul periksa dan secara tidak langsung akan menjurus kepada kesesatan.

PENYELESAIAN MASALAH DAKWAH ISLAM DI ALAM SIBER.

Sebagai pengguna media baru untuk tujuan pembelajaran agama, pengguna perlu memahami bahawa sebarang bentuk maklumat atau berita dalam media baru

datang dari pelbagai latar belakang penulisan dan pendapat. Harus diingat, tidak semua orang boleh menjadi pendakwah khususnya dalam menyampaikan ilmu agama. Orang yang berdakwah mestilah mempunyai ilmu mengenai apa yang disampaikan. Terdapat dalam kalangan penulis yang hanya berniat untuk menyiar maklumat atau berita tanpa asas agama yang kukuh dan menyalin maklumat atau berita tersebut daripada sumber lain untuk disebarluaskan. Keadaan ini sudah tentu mengikis dan menghilangkan konsep integriti dalam penyebaran dakwah yang mana ilmu seharusnya diperturunkan secara sah dan betul. Berdasarkan keadaan ini, pendakwah di alam siber dapat dibahagikan kepada beberapa kategori, kategori pertama ialah pendakwah tulen yang memiliki autoriti dalam bidang agama serta dikenali dalam kalangan masyarakat seperti Dr Zaharudin Abdul Rahman, Dato' Dr. Muhammad Izhar Ariff dan sebagainya.²⁶ Kategori kedua ialah golongan pendakwah tulen yang hanya boleh dikesan melalui ketinggian ilmunya dalam mengupas isu-isu Islam tetapi kemasyhurannya belum dikenali dalam kalangan masyarakat.²⁷ Kategori ketiga pula ialah golongan bukan agamawan tetapi berminat dengan menjalankan dakwah dan penyebaran maklumat agama melalui laman sesawang.²⁸

Dalam menangani isu ini, pengguna boleh menerima maklumat yang disampaikan oleh penulis sesawang ini dengan cara membuat perbandingan dengan maklumat lain dan melakukan rujukan agama dengan sumber lain dan selagi penulis tidak menokok tambah huraiannya sehingga menyimpang dari maksud asal, penerima maklumat tersebut boleh menerima kebenaran maklumat tersebut. Apa yang perlu dilakukan

²⁶ Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, *Cabar Dakwah Islam di Alam Siber*, Jurnal of Social Sciences & Humanities, Disember 2017

²⁷ Ibid

²⁸ Ibid

oleh pengguna atau penerima maklumat ini, sesuai dengan perspektif Islam dalam menangani sebarang bentuk maklumat ialah dengan cara menyelidiki dahulu maklumat tersebut dari segi sumbernya. Pengguna juga boleh melakukan perbandingan maklumat melalui laman-laman sesawang yang lain dan sekiranya berlaku kesamaan maklumat pengguna boleh menerimanya. Selain itu maklumat yang datang dari blog-blog, boleh dikesan melalui sambutan pengunjung ke atasnya melalui daftar jumlah pengunjung serta ruang komentar yang ada. Selain itu, identiti penulis juga perlu diambil kira selaras dengan kehendak Islam. Ini bersesuaian dengan konsep tabayyun (menyelidiki kebenaran) yang disarankan oleh Islam.²⁹ Dalam surah Al-Hujurat ayat 6, Allah memerintahkan umat Islam agar menyelidik terlebih dahulu kesahan berita yang mereka terima dari orang yang fasiq supaya mereka tidak tersilap membuat keputusan dan menyesal dengan keputusan tersebut.³⁰

Dalam menghadapi masalah kebanjiran maklumat agama sehingga menimbulkan rasa tidak senang serta sukar memilih maklumat yang tepat, pengguna atau penerima maklumat tersebut boleh merujuk kepada ciri-ciri kredibiliti maklumat yang disampaikan tersebut samada ianya benar atau sebaliknya. Antara ciri-ciri kredibiliti maklumat yang boleh dipercayai, antaranya ialah penulisan itu mesti berasaskan kejujuran, kandungannya tidak berat sebelah, mementingkan aspek akhlak (moral), ada unsur keaslian bagi penulisan Islam, kandungannya bermaklumat dan maklumat yang ada boleh disahkan. Sekiranya laman yang dituju menyentuh masalah soaljawab agama, jawapan yang diperolehi hendaklah dibandingkan dengan pendakwah terkenal yang dirujuk oleh majoriti pengguna untuk membuktikan kesamaannya, penulis tidak menyokong mana-mana pihak, tidak bekerja dibawah

²⁹ Ibid

³⁰ Ibid

pengaruh orang lain, mempunyai pengetahuan mengenai aspek dan isu-isu Islam, berdasarkan al-Quran dan Hadis, selaras dengan pemikiran Islam serta berintegriti dan bertanggungjawab.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab berkaitan perkara ini, disarankan agar mengadakan program-program dan kempen berbentuk kesedaran bagi mendidik rakyat agar menjaga etika bahasa dan cara yang betul di dalam perbualan serta ketika menulis apa-apa maklumat di alam maya. Program-program dan kempen kesedaran ini dilihat sebagai platform terbaik bagi menggalakkan orang ramai lebih berhati-hati ketika melayari laman sosial dan menggunakan internet sebagai alat menyebarkan ilmu, dakwah dan maklumat berfaedah, menjadi medan berinteraksi secara intelek dan berakhhlak sebagai saluran komunikasi yang paling efektif.

PENUTUP.

Sudah tiba masanya untuk para pendakwah bergiat aktif dalam dakwah melalui alam maya (internet) yang tidak mempunyai sempadan dan tidak pula memerlukan lesen khas. Apatah lagi apabila pendakwah dilarang daripada menyampaikan ilmu melalui saluran tradisional, hendaklah dia menggunakan peluang berdakwah melalui saluran moden ini. Dengan hanya sebuah Komputer, satu jalur lebar (broad band) dan bilik yang tertutup; pendakwah dapat merealisasikan kewajipan menyampaikan ilmu agama Islam kepada sejumlah besar sasaran di dalam dan di luar negara. Dakwah merupakan satu usaha sesetengah golongan dalam menyeru dan menyampaikan ajaran Islam secara bijaksana kepada manusia yang lain. Kepesatan pembangunan teknologi merupakan satu penjuru yang tidak harus dipinggirkan dalam

memartabatkan dakwah agar pengajaran dan maklumatnya sampai kepada khalayak dengan cepat, tepat dan berkesan. Kita mesti menggunakan pendekatan media sosial dengan cara yang baik bukan melakukan benda yang tidak sepatutnya seperti menyebarkan fitnah, mengecam mana-mana pihak dan sebagainya yang boleh mendatangkan masalah lain seperti pergaduhan.

Jika kita lihat keadaan teknologi zaman sekarang, media sosial adalah salah satu jalan yang sesuai digunakan untuk menyampaikan seruan kebaikan tersebut. Justeru, peranan media sosial yang meluas dan boleh dikatakan menjadi keutamaan generasi Y kini amat penting dalam penyampaian dakwah. Dakwah adalah perlu berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sampaikan dari ku walaupun satu ayat”.³¹ Berdasarkan riwayat Al- Bukhari ini telah menunjukkan bahawa dakwah adalah penting untuk dilakukan yang mana nabi Muhammad SAW menyuruh untuk berdakwah dan menyampaikan dakwah tersebut melalui pelbagai cara walaupun hanya satu ayat yang digunakan untuk menyeru masyarakat melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran³². Sesungguhnya dakwah itu dituntut dalam Islam.

Internet secara asasnya adalah wadah kepada media sosial yang bersifat serampang dua mata dengan gabungan unsur kebaikan dan keburukan. Justeru, pengguna harus sedar bahawa yang dimaksudkan dengan media adalah alat untuk menyampaikan perkhabaran. Sama ada media lisan, cetak dan elektronik, ketiga-tiga saluran ini mampu membentuk dan mempengaruhi pandangan masyarakat.

Justeru, masyarakat Islam Malaysia perlu memahami kedudukan sebenar alat sebaran ini serta memanfaatkannya sebaik mungkin untuk tujuan pembelajaran

³¹ Siti Nurjannah Muhammad Asihin, Media Sosial Sebagai Inisiatif Perkasa Dakwah, <http://www.harakahdaily.net>, 8 April 2017.

³² Ibid

agama. Walaupun isu yang berunsurkan negatif turut muncul berikutan penggunaan media baru sebagai wadah pembelajaran agama namun masyarakat Islam tidak perlu melihat isu tersebut sebagai penghalang kepada penggunaannya sebagai medium pembelajaran agama.³³ Seperti juga teknologi telekomunikasi yang lain, internet mempunyai lebih banyak manfaat jika dibandingkan dengan keburukan. Namun demikian, keburukannya boleh menjadi serius jika ia disalahgunakan. Sejak internet diperkenalkan, ia telah memberikan banyak faedah kepada umat manusia. Namun demikian, ramai juga yang telah menyalahgunakannya. Oleh yang demikian, teknologi maklumat yang sedang mendominasi dunia ICT ini mestilah dipelihara dengan dengan sebaik-baiknya agar ia memberikan faedah kepada umat manusia manakala elemen-elemen negatif berkaitan dengannya mestilah dijauhi. Usaha itu biarpun nampak mudah, tetapi kesannya amat besar kerana internet sudah menjadi medium utama perkongsian maklumat masa kini. Boleh dikatakan semua golongan muda mendapat capaian internet sama ada menggunakan komputer, telefon pintar atau gajet lain. Penggunaan internet mestilah berlandaskan akhlak Islam. Setiap apa yang kita lakukan ketika bekerja, berinternet dan menggunakan teknologi akan dilihat oleh Allah S.W.T, ditanya dan dibalas di hari akhirat kelak.

³³ Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar, Engku Mohamed Tajuddin, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari: Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam, 9 Januari 2015, hlm 20.

RUJUKAN.

1. Radziah Rudzi, Cabaran Era Ledakan Teknologi Komunikasi Maklumat, <https://www.academia.edu>.
2. Zamris Habib, Dakwah melalui Dunia Maya, 15 Februari 2015, <https://zamrishabib.wordpress.com>.
3. Azizan Had, Dakwah Melalui Internet Di Malaysia:Masalah dan Cabaran, 23 Nov 2014, <http://www.ukm.my>.
4. Siti Nurjannah Muhammad Asihin, Media Sosial Sebagai Inisiatif Perkasa Dakwah, 8 April 2017, <http://www.harakahdaily.net>.
5. Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber, Jurnal of Social Sciences & Humanities, Disember 2017.
6. Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar, Engku Mohamed Tajuddin, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari:Cabarhan Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam, 9 Januari 2015, hlm 20.